

14/05/2003

`Tembakan amaran' menjelang persaraan Dr Mahathir

Kadir Dikoh

"SAYA dah buat keputusan dah (untuk berundur), saya percaya kepada Pak Lah," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada seorang pemimpin veteran Umno ketika berbual di meja makan selepas menyampaikan ucapan sejam pada perhimpunan bagi meraikan sambutan ulang tahun penubuhan Umno ke-57 di Stadium Merdeka, malam Ahad lalu.

Perdana Menteri menoleh ke arah timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang duduk di meja sama ketika meluahkan kata-kata itu.

"PM kelihatan relaks, mood beliau bagus dan berpuas hati dengan sambutan ribuan ahli parti pada majlis itu," kata pemimpin veteran itu yang duduk semeja ketika jamuan.

Tidak diketahui apakah pertanyaannya kepada Perdana Menteri, yang mendorong Dr Mahathir memberi jawapan itu.

"Jawapan itu terkeluar dalam perbualan biasa saja," katanya.

Beberapa minit sebelum itu, Dr Mahathir dalam sidang media di bilik sebelah mendedahkan wujudnya golongan serpihan dalam Umno daripada mereka yang kecewa, marah dan tidak mendapat tempat dalam parti.

Katanya, golongan itu mahu `mencederakan' parti dan cuba menarik keluar orang Umno.

Sejak itu, pelbagai spekulasi timbul mengenai siapa golongan serpihan ini yang merisaukan sesetengah pihak. Ia muncul dalam tempoh menjelang detik persaraan Dr Mahathir Oktober depan.

Pada sidang akhbar di Bintulu, Sarawak, Khamis lalu, yang pertama selepas bercuti selama dua bulan, Dr Mahathir tidak menyebut mengenai kumpulan serpihan itu, sebaliknya memberi markah "lulus cemerlang" kepada Abdullah sepanjang memangku jawatan Perdana Menteri.

Pada sidang media keduanya selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC di ibu negara Sabtu lalu pun, Dr Mahathir kelihatan tidak resah, malah gembira.

Malah ketika melawat Bintulu dan diikuti sidang media Khamis lalu, beliau begitu ceria sekali kecuali kelihatan agak letih pada sebelah petang selepas melawat Long Bedian di pedalaman Sarawak kerana terpaksa berjalan kaki sejauh kira-kira dua kilometer dari tempat pendaratan helikopter ke pentas khas.

Kepenatan itu menyebabkan Dr Mahathir tidur sepanjang penerbangan selama sejam 45 minit dari Miri ke Kuala Lumpur, apatah lagi selepas mengharungi panas terik sepanjang lawatan ke pedalaman.

Keadaan itu berbeza ketika penerbangan dari Kuala Lumpur terus ke Bintulu pada sebelah pagi hari yang sama, apabila beliau, seperti biasa menghabiskan masa menulis, dipercayai untuk bukunya Memoir Perdana Menteri yang bakal `mendedahkan yang terdedah' sepanjang 22 tahun memimpin negara.

Ada yang mendakwa bahawa kumpulan serpihan dalam Umno itu adalah golongan yang tidak bersedia untuk melihat Dr Mahathir meletak jawatan, Oktober depan atau pendeknya mereka yang mahukan beliau terus memimpin.

Ada pula mendakwa bahawa ia adalah golongan yang ragu kepada kepemimpinan Pak Lah dan sesetengahnya pula kata, mereka ini cuma golongan `pengacau' dalam parti yang tidak mahu melihat Umno kuat untuk kepentingan sendiri.

"Jumlahnya sedikit saja, tetapi boleh berleluasa jika tidak dipatahkan dengan segera menjelang Oktober ini," kata seorang pemimpin kanan Umno yang boleh dianggap sebagai pemimpin pelapis berpotensi kerana berada dalam hierarki barisan kedua.

Selain itu, kumpulan serpihan ini dikaitkan kepada usaha pihak tertentu dalam Umno untuk membentuk "pakatan" ala "Team Wawasan" yang pernah diketuai Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini.

"Daripada dulu lagi Umno mengalami masalah dalaman, perebutan jawatan dan perancangan hingga akhirnya Umno pernah mati (1987). Ada yang suka melihat Umno lemah," kata bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohamed Rahmat.

Katanya, pendedahan Dr Mahathir mengenai kumpulan serpihan itu adalah tepat pada masanya kerana dalam proses peralihan kuasa kepada Pak Lah, ada cubaan pihak tertentu untuk melemahkan kepemimpinan baru itu nanti.

Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) itu berkata, pendedahan Dr Mahathir adalah ingatan awal menjelang persaraannya supaya ahli Umno kembali kepada semangat 1946 apabila parti itu ditubuh dengan matlamat untuk kepentingan bangsa, agama dan tanah air.

"Sekarang ini, matlamat itu kelihatan pudar dan masing-masing mahu merebut jawatan. Kita takut sesuatu perbalahan akan berlaku menjelang Oktober depan jika gejala ini tidak dibendung. Jika kita sayang kepada parti, berilah sokongan seratus peratus kepada Pak Lah," katanya.

Jika diamati ucapan panjang lebar Dr Mahathir pada sambutan penubuhan Umno ke-57 di Stadium Merdeka itu, amat jelas beliau mahukan ahli parti supaya tidak leka dengan kejayaan dicapai kerana bahaya yang lebih besar akan dihadapi iaitu dijajah semula jika mereka lemah.

"Perjuangan kita tak selesai semata-mata kerana kita dapat mematahkan Malayan Union, mencapai kemerdekaan dan membangunkan negara. Perjuangan kita belum selesai. Kalau kita tidak berjaga-jaga, maka kita akan diserang sekali lagi.

"Sebab itu saya bangga melihat generasi muda menyertai Umno, tetapi perjuangan bukan untuk diri sendiri. Perjuangan untuk bangsa, agama dan tanah air. Inilah perjuangan Umno dan kita harus ingatkan diri kita mengenai perjuangan itu," katanya.

Sekarang, rakyat khususnya ahli Umno berhadapan dengan tiga ujian penting iaitu peralihan kuasa Oktober depan, pilihan raya umum akan datang dan pemilihan dalam Umno sendiri.

Ujian pertama Oktober depan ialah menyaksikan peralihan kuasa tetapi tumpuan pasti kepada pengisian jawatan Timbalan Perdana Menteri, yang akan ditentukan oleh Abdullah sendiri.

Sesetengah pihak mengaitkan kumpulan serpihan dalam Umno kepada peristiwa sekitar Oktober depan.

Dr Mahathir sendiri mungkin sudah menghidu tindak tanduk kumpulan serpihan ini dan sebab itu beliau melepaskan 'tembakan amaran' menjelang lima bulan persaraannya.

"Jika wujud sebarang usaha merebut jawatan tertentu oleh sesetengah pihak menjelang Oktober depan, itu akan merosakkan Umno. Ingatlah pesanan Dr Mahathir supaya semangat penubuhan Umno 1946 itu dikembalikan bagi mengelak parti berpecah," kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Apabila ditanya, sama ada benar wujud kumpulan seperti itu, beliau berkata: "Kita tak tahu dalam hati masing-masing. Nasihat saya kepada ahli Umno ialah jangan sokong tindakan kumpulan seperti ini. Saya sendiri setia kepada parti dan saya mahu parti kukuh."

Namun, Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob berkata Umno sudah mengenal pasti identiti kumpulan serpihan itu dan akan bertindak ke atas mereka kerana cuba memecahbelahkan perpaduan.

Siapa sebenarnya mereka ini? Tiada siapa berani memperkatakannya secara terbuka.

"Perdana Menteri tahu dan sebab itu beliau memberi amaran awal. Kita terima banyak aduan setiap hari daripada bahagian (mengenai perkara itu).

Ada orang muda kata, orang veteran itu dan ini tak layak lagi. Ada orang veteran pula kata orang ini masih muda," kata Megat Junid.

Beliau menolak kemungkinan golongan veteran yang pernah memegang jawatan tinggi dalam parti, menjadi dalang di sebalik kumpulan serpihan ini seperti khabar angin.

Namun, gelagat kumpulan terbabit mungkin kelihatan lebih jelas menjelang Oktober depan, jika ia benar-benar wujud.

Lebih buruk lagi ialah gejala memburuk-burukkan nama pemimpin tertentu dan keadaan ini dijangka lebih berleluasa menjelang pemilihan parti Jun tahun depan.

Dr Mahathir sendiri sudah beberapa kali menyatakan bahawa keputusannya untuk mengundur diri Oktober depan adalah muktamad meskipun ada orang tertentu meragui hakikat itu.

Tetapi apabila Perdana Menteri turut mendedahkan bahawa ada setengah pihak mahu beliau meletakkan jawatan Perdana Menteri lebih awal, ia turut mengundang pelbagai spekulasi di dalam Umno sendiri.

"Ada orang yang meragui saya akan pergi (berundur). Ada yang berkata saya patut pergi sekarang. Saya tak tahu kenapa. Saya rasa mereka tidak percaya saya akan berundur Oktober nanti. Itu pandangan mereka. Mereka sering kali sangsi kepada saya.

"Apa pun saya tetap akan berundur sebagai Perdana Menteri, Pengerusi BN dan Presiden Umno, Oktober depan. Pengganti saya yang akan mengetuai BN pada pilihan raya akan datang," katanya selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-57 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Sabtu lalu.

Apakah kumpulan serpihan yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir adalah kumpulan yang mahu beliau berundur lebih awal?